Utusan Borneo: 07 November 2026

Ceroboh rumah dan cabul wanita, lelaki kena 14 bulan, dua sebatan

KUCHING: Tindakan seorang lelaki yang menceroboh rumah orang awam dan mencabul penghuni wanita di premis berkenaan membawa padah apabila dia dijatuhi hukuman penjara 14 bulan serta dua sebatan di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Andrian Beckham Florence yang tidak diwakili peguam, mengaku bersalah di hadapan Majistret Nureina Syafika Mohd Najib sebaik didakwa atas dua pertuduhan.

Bagi pertuduhan pertama di bawah Seksyen 448 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menceroboh rumah, Nureina menjatuhkan hukuman penjara lima bulan terhadapnya berkuat kuasa semalam.

Sementara untuk pertuduhan kedua mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan iaitu menggunakan kekerasan jenayah terhadap seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatannya, Andrian dijatuhi hukuman penjara 14 bulan serta dua sebatan.

Nureina memerintahkan kedua-dua hukuman penjara itu berjalan serentak.

Berdasarkan keterangan kes, Andrian pada 30 Oktober 2026 telah masuk ke dalam rumah seorang wanita berusia 31 tahun bertempat di RPR Batu Kawa di sini sekitar jam 2.19 petang tanpa kebenaran mangsa.



MENGAKU BERSALAH: Andrian (tengah) diiringi polis keluar dari kamar Mahkamah Majistret semalam selepas selesai dijatuhkan hukuman.

Setelah memasuki rumah tersebut, Andrian masuk ke dalam sebuah bilik dan seterusnya bertindak menyentuh bahagian punggung mangsa tanpa kerelaannya.

Mangsa yang pada ketika itu sedang tidur dalam keadaan meniarap kemudiannya tersedar dan seterusnya menjerit meminta pertolongan ahli keluarganya.

Keadaan itu menyebabkan Andrian terus keluar dari bilik dan cuba melarikan diri menerusi pintu dapur namun gagal kerana berkunci.

Andrian bagaimanapun kemudiannya berjaya melarikan diri melalui pintu hadapan rumah.

Khuatir akan keselamatan diri dan keluarga, mangsa membuat laporan polis dan siasatan kemudiannya membawa kepada penangkapan Andrian.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aidil Akmal Sharidan.